

22/10/2003

Kemarahan pemimpin Barat mengiyakan kecaman Dr M

Dzulkarnain Taib

TAHNIAH kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengeluarkan kenyataan berani dan lantang mengenai isu penguasaan Yahudi terhadap suasana ekonomi dan politik dunia sewaktu berucap merasmikan Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini.

Laungan dari Putrajaya sesungguhnya berjaya menggemparkan dunia politik Barat yang menjadi pendukung kuat rejim Yahudi Israel. Kritikan lantang pemimpin Barat khususnya mengecam Dr Mahathir menunjukkan kebenaran ucapan beliau itu.

Selalunya kita perhatikan media Barat tidak mengendahkan langsung isu yang berkaitan pembangunan umat Islam. Umpamanya berita persidangan OIC tempoh hari tidak mendapat liputan meluas akhbar Barat.

Tidak kelihatan berita mengenai cadangan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam. Tidak ada juga berita mengenai kesepakatan pemimpin 57 negara anggota OIC untuk mengeratkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Apa yang digembar-gemburkan ialah kenyataan Perdana Menteri mengenai bangsa Yahudi. Pada mereka itulah sebenarnya ada nilai berita daripada persidangan OIC iaitu mencanangkan kepada dunia bahawa Dr Mahathir adalah anti-Yahudi.

Segala aspek positif Sidang Kemuncak itu tidak penting bagi media Barat yang kita sedia maklum kebanyakannya dikuasai dan didalangi Yahudi. Maka tidak hairanlah apabila Dr Mahathir menyentuh saja mengenai Yahudi seluruh pemimpin Barat melenting bagaikan cacing kepanasan.

Seolah-olah reaksi mereka itu secara spontan dan tanpa tapisan minda yang logik dan terbuka. Mereka gagal untuk melihat dalam konteks apakah Perdana Menteri Malaysia berucap.

Pertama sekali pemimpin Barat perlu sedar bahawa Dr Mahathir berucap di depan ketua negara dan kerajaan Islam di persidangan yang membincangkan untung nasib 1.3 bilion umat Islam.

Antara isu yang amat sensitif kepada umat Islam ialah penubuhan haram negara Israel yang wujud pada 1948 hasil rampasan tanah dan kedaulatan bumi Palestin.

Tindakan pergerakan Zionis ini pula didukung kuasa besar ketika itu, iaitu Britain dan kini tanggungjawab terhadap kewujudan berterusan Israel dipikul Amerika Syarikat.

Apa yang ingin disebut oleh Dr Mahathir ialah disebabkan pengaruh ekonomi dan politik Yahudi yang begitu kuat dan jitu di White House, Downing Street dan negara Eropah, isu rampasan tanah Palestin sehingga kini masih belum dapat diselesaikan.

Kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang didalangi pengaruh lobi Yahudi yang kuat seolah-olah tidak berkuasa langsung untuk bertindak terhadap segala bentuk keganasan rejim Yahudi terhadap rakyat Palestin yang tidak berdosa.

Memang betul komen Dr Mahathir apabila beliau berkata beliau tidak perlu meminta maaf terhadap kenyataannya itu. Rakyat Malaysia khususnya umat Islam di negara ini berkeyakinan bahawa apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah umat Islam menentang pergerakan Zionis yang bersifat perkauman ekstrim dan bukannya bangsa Yahudi.

Hanya media Barat yang cuba menanggung di air keruh dengan memutarbelitkan ucapan Perdana Menteri. Kita berharap Dr Mahathir akan terus membela nasib umat Islam dan membongkar segala pakatan jahat untuk

menindas dan menjajah umat Islam. Ini termasuklah terus bercakap mengenai konspirasi Yahudi mahupun seluruh dunia barat menyalak kemarahan.

DZULKARNAIN TAIB,
Presiden,
Kelab Wartawan Muda Malaysia.